

## **KENYATAAN AKHBAR**

**oleh**

**Y. BHG. PROF. TAN SRI DATO' DZULKIFLI BIN ABDUL RAZAK  
PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**tentang**

### **KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA TAHUN 2010**

1. Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2010 akan dikeluarkan pada hari ini, Isnin, 21 Februari 2011. Calon sekolah kerajaan dan sekolah swasta boleh mendapatkan slip keputusan di sekolah masing-masing pada jam 12:00 tengah hari pada hari ini manakala calon persendirian akan mendapat slip keputusan mereka melalui pos. Di samping itu, semua calon boleh mendapatkan keputusan peperiksaan melalui laman web MPM [[www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)] dan juga sistem mesej singkat (sms) melalui talian 36363 atau 15888.
  
2. Peperiksaan bertulis STPM 2010 telah dijalankan dari 23 November hingga 16 Disember 2010 di 760 buah pusat peperiksaan di seluruh negara. Sebanyak 4,432 orang pengawas telah dilantik untuk mentadbirkan peperiksaan ini di seluruh negara, manakala sebanyak 1,806 orang pemeriksa telah dilantik untuk memeriksa skrip jawapan bagi 23 mata pelajaran.

3. Pada tahun 2010, sebanyak 53,670 calon telah **mendaftar** untuk menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) berbanding dengan 55,669 calon pada tahun 2009. Jumlah calon yang **mendaftar** berkurang sebanyak 1,999 calon atau 3.59 peratus. Daripada jumlah calon yang **mendaftar** untuk menduduki peperiksaan STPM 2010, sebanyak 47,369 (88.26%) adalah calon sekolah kerajaan, 1,467 (2.73%) calon sekolah swasta, 4,591 (8.55%) calon persendirian individu, 235 (0.44%) calon sekolah kerajaan negeri, dan 10 (0.02%) calon sekolah integriti. Perbandingan calon STPM 2009 dengan STPM 2010 mengikut jenis calon adalah seperti pada Lampiran 1.
4. Daripada 53,670 calon yang telah mendaftar, hanya 50,576 calon (92.24%) **telah hadir** menduduki peperiksaan STPM berbanding dengan 52,348 orang calon (94.10%) yang hadir pada tahun 2009.
5. Dari segi jantina, didapati sebanyak 32,482 calon yang hadir atau 64.22% adalah calon perempuan, dan 18,094 calon atau 35.78% adalah calon lelaki. Seperti pada tahun-tahun yang lalu, ini menunjukkan bilangan calon perempuan yang menduduki peperiksaan STPM 2010 masih mengatasi bilangan calon lelaki, iaitu dengan nisbah 2:1.

6. Dari segi aliran pula, sebanyak 8,653 (17.11%) adalah calon aliran sains, manakala bakinya adalah calon aliran sastera.
7. Dari segi kaum, bilangan calon Bumiputera yang hadir menduduki peperiksaan STPM 2010 ialah 33,755 (66.74%), kaum Cina 12,907 (25.52%), kaum India 3,177 (6.28%), dan kaum-kaum lain 737 (1.46%).
8. Sebanyak 23 mata pelajaran yang terdiri daripada 56 kertas soalan telah ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2010. Calon dibenarkan mengambil lima mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Walau bagaimanapun, kebanyakan calon mengambil empat mata pelajaran kerana Kementerian Pengajian Tinggi telah menetapkan bahawa hanya empat mata pelajaran yang diambil kira, iaitu Pengajian Am dan tiga mata pelajaran lain, bagi tujuan pemilihan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Hanya 10,647 calon mendaftar untuk mengambil 5 mata pelajaran, iaitu 19.84%.
9. Daripada 23 mata pelajaran yang ditawarkan, 10 mata pelajaran mempunyai bilangan calon terdaftar yang banyak selain mata pelajaran Pengajian Am yang diambil oleh 53,097 calon. Bagi mata pelajaran sains, tiga mata pelajaran yang popular ialah Mathematics T, Chemistry, dan Biology. Bagi mata pelajaran sastera pula, tujuh mata pelajaran yang popular ialah Bahasa Malaysia, Sejarah, Pengajian Perniagaan, Ekonomi, Geografi, Kesusasteraan Melayu, dan Seni Visual. Bagi 12 mata pelajaran yang lain, bilangan

calonnya kurang daripada 5,000 orang, dan calon yang paling sedikit adalah bagi mata pelajaran Further Mathematics T, iaitu hanya 22 calon. Ini dapat dilihat pada Lampiran 2.

10. Empat daripada mata pelajaran yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM tidak diajar dalam jadual waktu persekolahan kerana bilangan calon yang terlalu sedikit, iaitu Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Literature in English, dan Further Mathematics T. Calon yang mengambil mata pelajaran ini belajar sendiri ataupun mengikuti kelas tuisyen.

#### **ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN STPM 2010**

11. Pencapaian calon keseluruhan boleh dilihat daripada dua aspek. Pertama dari segi min Purata Nilai Gred Keseluruhan (min PNGK), dan kedua dari segi kelulusan pada peringkat lulus penuh atau prinsipal. PNGK dihitung berdasarkan nilai gred mata pelajaran bagi empat mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am. Pada umumnya, prestasi calon tahun 2010 adalah lebih kurang sama dengan tahun 2009. Min PNGK 2010 ialah 2.22 manakala min bagi 2009 ialah 2.23.
12. Sebanyak 343 calon (**0.68%**) mendapat PNGK 4.00. Peratusan ini lebih baik sedikit daripada tahun 2009, iaitu peningkatan sebanyak **0.63%**. Daripada jumlah ini, 179 orang adalah calon aliran sastera dan 164 orang adalah calon aliran sains. Sebanyak 180 orang daripadanya adalah calon

perempuan manakala 163 orang adalah calon lelaki. Begitu juga prestasi bagi PNGK 3.50 hingga 3.99 adalah lebih baik sedikit pada tahun 2010, iaitu **7.18%** calon berbanding dengan **7.00%** pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, peratusan calon yang memperoleh PNGK 3.00 hingga 4.00 pada tahun 2010 adalah lebih rendah sedikit berbanding dengan tahun 2009, iaitu **23.19%** pada tahun 2010 berbanding dengan **23.47%** pada tahun 2009. Prestasi calon mengikut PNGK bagi tahun 2008, 2009, dan 2010 adalah seperti yang tertera pada Lampiran 3.

13. Jika dilihat dari segi kelulusan peringkat prinsipal pula, sebanyak 2,995 (5.92%) calon telah lulus penuh 5 mata pelajaran, 20,478 (40.49%) calon lulus penuh 4 mata pelajaran, 10,082 (19.93%) calon lulus penuh 3 mata pelajaran, 7,221 (14.28%) calon lulus penuh 2 mata pelajaran, dan 6,004 (11.87%) calon lulus penuh 1 mata pelajaran.
14. Jumlah peratusan calon yang mendapat lulus penuh dalam 5 dan 4 mata pelajaran telah menurun, iaitu dari **47.72%** (25,001 calon) pada tahun 2009 kepada **46.41%** (23,473 calon) pada tahun 2010. **Calon sekolah kerajaan** yang mendapat lulus penuh dalam 5 dan 4 mata pelajaran juga menunjukkan penurunan, iaitu dari **50.60%** (23,930 calon) pada tahun 2009 kepada **48.98%** (22,520 calon) pada tahun 2010. Bilangan dan peratusan calon yang lulus penuh dalam peperiksaan STPM 2009 dan STPM 2010 mengikut jenis calon adalah seperti pada Lampiran 4.

15. Sebanyak 11 mata pelajaran, iaitu Further Mathematics T, Sains Sukan, Usuluddin, Pengajian Perniagaan, Syariah, Chemistry, Bahasa Cina, Computing, Mathematics T, Sejarah, dan Physics meningkat prestasinya dalam peperiksaan STPM 2010 berdasarkan peratusan calon yang lulus penuh berbanding dengan STPM 2009. Ini dapat dilihat pada Lampiran 5.
16. Pada tahun 2010, sebanyak 11 mata pelajaran, iaitu Bahasa Malaysia, Pengajian Am, Seni Visual, Perakaunan, Kesusasteraan Melayu, Literature in English, Geografi, Biology, Ekonomi, Mathematics S, dan Bahasa Arab menurun prestasinya dalam peperiksaan STPM 2010 berbanding dengan STPM 2009. Ini dapat dilihat pada Lampiran 6.
17. Sebanyak 1 mata pelajaran pula dianggap tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang lulus penuh antara tahun 2010 dengan tahun 2009 kurang daripada 2%, iaitu mata pelajaran Bahasa Tamil. Ini dapat dilihat pada Lampiran 7.
18. Dua peratus dianggap tidak berubah kerana penetapan standard mata pelajaran STPM bagi sistem peperiksaan yang sedia ada adalah berdasarkan “soft criterion”, iaitu mengambil kira perubahan min dan sisihan piawai setiap mata pelajaran. Nilai min dan sisihan piawai yang berbeza antara tahun boleh menyebabkan peratusan calon berubah pada tahap kritikal,

iaitu pada Gred C (lulus peringkat prinsipal yang paling rendah).

## **PENGGUNAAN BAHASA INGGERIS DALAM JAWAPAN CALON BAGI MATA PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK**

19. Kertas soalan bagi tujuh mata pelajaran, iaitu Mathematics S, Mathematics T, Further Mathematics T, Computing, Physics, Chemistry, dan Biology telah disediakan dalam dwibahasa, iaitu bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Calon dibenarkan menulis jawapan sama ada dalam bahasa Inggeris atau bahasa Malaysia.
20. Pada tahun 2010, **97.1%** calon atau 28,066 calon telah menjawab soalan dalam bahasa Inggeris sepenuhnya berbanding **97.5%** pada tahun 2009, iaitu telah menurun sedikit, iaitu 0.4%. Peratusan calon yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam skrip jawapan peperiksaan STPM 2008, 2009, dan 2010 dapat dilihat pada Lampiran 8.

## **PRESTASI CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A (PELAJAR CEMERLANG)**

21. Sebanyak lapan calon telah mencapai keputusan cemerlang, iaitu Gred A dalam lima mata pelajaran yang diambil berbanding dengan 15 calon dalam STPM 2009. Daripada jumlah itu, tujuh calon adalah pelajar aliran sains, manakala

seorang calon lagi adalah pelajar aliran sastera. Senarai calon ini dapat dilihat pada Lampiran 9.

22. Bilangan calon yang mengambil empat mata pelajaran dan mendapat empat Gred A pula ialah 297 orang, manakala bilangan calon yang mengambil lima mata pelajaran dan mendapat empat Gred A pula ialah 39 orang.
23. Oleh itu, jumlah calon yang mendapat empat Gred A pada tahun 2010 ialah 344 orang berbanding dengan 334 orang pada tahun 2009. Bilangan calon yang mendapat gred A dalam lima dan empat mata pelajaran adalah seperti pada Lampiran 10.

#### **PERBANDINGAN PRESTASI CALON BANDAR DAN LUAR BANDAR**

24. Jurang antara prestasi calon bandar dan luar bandar masih ketara. Prestasi calon bandar jauh lebih baik daripada calon luar bandar. Calon bandar yang mendapat 5A, 4A, dan 3A ialah sebanyak 946 calon (12.61%) berbanding dengan hanya 105 calon luar bandar (6.19%).
25. Calon bandar **aliran sastera** yang mendapat 5A, 4A, dan 3A ialah sebanyak 584 calon (11.84%) berbanding dengan hanya 98 calon luar bandar (6.15%). Calon bandar aliran sains yang mendapat 5A, 4A, dan 3A pula ialah sebanyak 362 calon (14.07%) berbanding dengan hanya tujuh calon luar bandar (6.86%). Perbandingan ini dapat dilihat pada Lampiran 11.

## **PRESTASI SEKOLAH**

26. Bagi sekolah kerajaan, prestasi pada tahun 2010 adalah lebih kurang sama dengan tahun 2009, iaitu min PNGK 2.32 pada tahun 2010 berbanding dengan 2.33 pada tahun 2009. Pada tahun 2010, sebanyak 47 buah sekolah mencapai min PNGK 2.80 atau lebih tinggi berbanding dengan 25 buah sekolah pada tahun 2008 dan 55 buah sekolah pada tahun 2009. Perbandingan min PNGK ini dapat dilihat pada Lampiran 12.

## **ANUGERAH PELAJAR CEMERLANG DAN ANALISIS KEPUTUSAN UJIAN MUET AKHIR TAHUN 2010**

27. Daripada lapan calon yang mendapat Gred A dalam lima mata pelajaran, terdapat **empat** calon yang mencapai gred A dalam semua kertas peperiksaan yang diambil, iaitu 13 kertas bagi pelajar aliran sains dan 10 atau 11 kertas bagi pelajar aliran sastera. Empat calon ini akan diberikan anugerah pelajar cemerlang bagi STPM 2010.
28. Majlis Peperiksaan Malaysia juga memberikan ganjaran khas kepada **lima** calon istimewa yang cemerlang dalam peperiksaan STPM 2010 sebagai menghargai usaha mereka untuk mencapai keputusan yang cemerlang walaupun menghadapi pelbagai kesukaran. Di samping itu, Majlis Peperiksaan Malaysia telah mengenal pasti **seorang** pelajar terbaik dari luar bandar dengan mendapat keputusan **empat A**

dan **satu B+**. Senarai pelajar cemerlang ini adalah seperti pada Lampiran 13.

29. Sebagai menghargai pencapaian cemerlang kesemua kategori pelajar di atas, Majlis Peperiksaan Malaysia akan memberikan ganjaran wang RM1,000, sijil penghargaan, dan sebuah plak kepada setiap pelajar.
30. Selain itu, sukacita saya memaklumkan bahawa pada majlis ini, seperti pada tahun-tahun yang lepas, Majlis Peperiksaan Malaysia memberikan juga anugerah yang sama kepada **dua** calon cemerlang dalam *Malaysian University English Test* (MUET) bagi tahun 2010, masing-masing bagi MUET Pertengahan Tahun 2010 dan MUET Akhir Tahun 2010. Nama kedua-dua calon berkenaan adalah seperti pada Lampiran 14.
31. Ingin saya mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh tentang analisis keputusan **MUET Akhir Tahun 2010** yang telah diumumkan pada 6 Januari 2011 yang lalu. Ujian ini telah diadakan dari 12 hingga 14 Oktober 2010 dan 18 hingga 20 Oktober 2010 bagi *Speaking*, manakala bagi ujian bertulis (*Listening*, *Reading*, dan *Writing*) telah diadakan pada 13 November 2010. MUET Akhir Tahun 2010 ini telah diduduki oleh 94,117 orang, iaitu peningkatan sebanyak 13.15% berbanding dengan jumlah calon MUET Pertengahan Tahun 2010, iaitu sebanyak 81,743 orang. Ini dapat dilihat pada Lampiran 15.

32. Pada keseluruhannya, prestasi calon MUET Akhir Tahun 2010 telah meningkat, iaitu sebanyak 46.02% calon telah mendapat Band 3 atau lebih baik berbanding dengan 33.87% pada MUET Pertengahan Tahun 2010. Prestasi keseluruhan MUET 2005 hingga 2010 mengikut peratusan longgokan adalah seperti pada Lampiran 16.
  
33. Bagi prestasi mengikut kertas, untuk Kertas 1 (*Listening*) sebanyak 45.50% calon telah mencapai Band 3 atau lebih baik berbanding dengan 16.99% pada MUET Pertengahan Tahun 2010. Ini disebabkan kebanyakan calon telah berjaya memberikan jawapan yang tepat seperti mana yang dikehendaki oleh skema pemarkahan. Calon juga dilihat dapat memilih perkataan dan frasa yang betul serta berjaya menggunakan ejaan perkataan yang tepat dalam jawapan yang diberikan.
  
34. Bagi Kertas 2 (*Speaking*), prestasi calon telah meningkat kepada 47.01% bagi Band 3 atau lebih baik jika dibandingkan dengan MUET Pertengahan Tahun 2010 yang mana 41.09% calon mendapat Band 3 atau lebih baik. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa peningkatan prestasi calon dalam MUET Akhir Tahun 2010 bagi kertas ini adalah kerana calon pada sesi ini mempunyai tahap penguasaan bahasa Inggeris yang lebih baik berbanding calon pada MUET Pertengahan Tahun 2010.

35. Bagi prestasi calon Kertas 3 (*Reading*), sebanyak 55.47% calon telah mencapai Band 3 atau lebih baik. Prestasi calon bagi kertas ini telah meningkat sedikit jika dibandingkan dengan prestasi calon pada MUET Pertengahan Tahun 2010 yang mana 54.55% calon mendapat Band 3 atau lebih baik. Berdasarkan analisis soalan *Reading*, didapati bahawa kertas soalan *Reading* ini telah dapat membezakan antara calon yang lemah penguasaan bahasa Inggerisnya dengan calon yang baik penguasaan bahasa Inggerisnya.
36. Bagi prestasi calon Kertas 4 (*Writing*), sebanyak 33.23% calon mencapai Band 3 atau lebih baik. Prestasi ini meningkat jika dibandingkan dengan MUET Pertengahan Tahun 2010 yang mana sebanyak 28.28% calon mencapai Band 3 atau lebih baik. Bagi kertas ini, calon mampu membaca graf dan carta yang diberikan dengan betul dan seterusnya dapat menganalisis dan mensintesiskan maklumat yang diberikan, serta mampu menterjemah maklumat itu ke dalam bentuk bertulis.
37. Bagi pencapaian mengikut Jenis Calon, calon Matrikulasi mencatatkan prestasi yang paling baik berbanding dengan jenis calon yang lain, iaitu sebanyak 67.02% (16,052 orang) yang mendapat Band 3 atau lebih baik. Ini dapat dilihat pada Lampiran 17. Manakala bagi prestasi mengikut negeri, Wilayah Persekutuan Labuan mencatatkan keputusan yang paling baik dengan 76.90% calon mendapat Band 3 atau lebih

baik, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 70.63%, dan Pulau Pinang 59.47%. Ini dapat dilihat pada Lampiran 18.

38. Secara keseluruhan, daripada 11 orang yang mencapai Band 6 seluruh negara, 5 orang daripadanya ialah calon Matrikulasi, 2 orang calon dari sekolah kerajaan, 2 orang calon Ijazah, dan 2 orang calon persendirian. Negeri Selangor telah mencatatkan jumlah calon yang mendapat Band 6 yang paling banyak, iaitu 5 orang. Ini dapat dilihat pada Lampiran 19.
39. Ujian MUET telah ditawarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia dua kali setahun sejak tahun 1999. Sebagai langkah proaktif dan memenuhi permintaan pelanggan, ingin saya umumkan di sini bahawa mulai tahun **2012** (tahun hadapan), MPM akan menawarkan ujian MUET sebanyak **tiga kali setahun**.
40. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STPM 2010, dan MUET Pertengahan serta Akhir Tahun 2010, khususnya kepada pelajar yang akan menerima anugerah pelajar cemerlang di majlis ini. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa atau penjaga dan guru para pelajar cemerlang ini.

41. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak, khususnya khidmat setia Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah yang telah membantu Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mentadbirkan peperiksaan STPM dan MUET 2010 ini dengan lancar dan sempurna.

Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Abdul Razak  
Pengerusi  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
Bandar Baru Selayang  
Selangor Darul Ehsan

21 Februari 2011